



BULETIN CASSIA



Bil : 1/2020 (Januari - Jun) Edaran Percuma www.mdkampar.gov.my



Selamat Datang
Yang Dipertua MDKpr

TUAN ABDUL HALIM BIN SAAD, AMP



Selamat Maju Jaya

TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR, AMP

PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Senyuman

A lhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaanNYA, dengan berkat kekasihNYA, Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, Buletin Cassia Bil. 1/2020 Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan saya ingin sampaikan kepada Ahli Sidang Redaksi Buletin dan semua jabatan yang telah memberi kerjasama dalam penyediaan penerbitan buletin ini.

Dunia telah dilanda dengan Pandemik Covid 19. Sejak Perintah Kawasan Pergerakan (PKP) Fasa 1 mula dikuatkuasa pada 18 Mac 2020 lalu. MDKpr telah melaksanakan beberapa pendekatan diperingkat operasi yang melibatkan penutupan operasi pejabat pentadbiran, pelaksanaan tugas anggota dari rumah, melaksanakan pelbagai langkah kawalan dan pemantauan serta disinfeksi di lokasi-lokasi tumpuan termasuk pasar-pasar awam, kawasan rekreasi dan persekitaran bandar Kampar bagi mengekang penularan wabak tersebut. Sebagai pasukan petugas barisan hadapan, pihak MDKpr tidak ketinggalan membantu membekalkan beberapa keperluan logistik seperti khemah, kerusi, meja, kemudahan tandas bergerak dan penghadang jalan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam melaksanakan Sekatan Jalan Raya (SJR) dalam mengawal pergerakan orang awam.

Usaha ini memerlukan pengorbanan yang berterusan dari seluruh warga kerja MDKpr memandangkan pandemik ini masih belum berakhir. Kepada pegawai dan petugas barisan hadapan MDKpr, saya bagi pihak pengurusan ingin merakamkan penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang tempoh pandemik Covid-19 ini.

Akhir kalam, saya sentiasa mendoakan agar semua warga kerja dan warga Daerah Kampar sentiasa dilindungi dan selamat dari pandemik Covid-19. Semoga kita semua berjaya memutuskan rangkaian Covid 19 secara bersama.

#kitajagakita

Abdul Halim Bin Saad, AMP
Yang Dipertua MDKpr



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tn. Abdul Halim bin Saad, AMP.

PENASIHAT

Pn. Siti Azura binti Hj. Juki, AMP.

KETUA EDITOR

Pn. Khumaizah binti Aziz

PEREKA GRAFIK

Nur Azura binti Russ Soli

WARTAWAN

- 1) Muhamad Hisham bin Hashim
- 2) Rozzilla binti Mohamad Som
- 3) Mohd Salim bin Saleh
- 4) Nor Syazana binti Amrah@Omrah
- 5) Mahfuzah binti Mokhtar
- 6) Izham bin Barahim
- 7) Masriza binti Lazarous
- 8) Muhamad Syarafi bin Mohd Said
- 9) Muhammad Zulhelmi bin Mohd Salji
- 10) Ahmad Faizal bin Baharom
- 11) Hamishah binti Ahamed
- 12) Hafiza binti Makri
- 13) Nurul Fahana binti Md Bakri

MEDIA CASSIA

- 1) Faridzul Arif bin Mohd Hashim
- 2) Alif Syairazi bin Mohd Sapian

MAJLIS PENERIMAAN JAWATANKUASA AHLI-AHLI MAJLIS 2020

Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kampar bagi tempoh 15 Mei 2020 sehingga 30 April 2021 telah diadakan pada 8 Mei 2020 (fasa Pertama) dan 17 Jun 2020 (Fasa Kedua).

Seramai 25 orang Ahli Majlis yang telah mengangkat sumpah terdiri daripada Yang Dipertua MDKpr, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP. 6 orang daripada Parti PPBM, 4 orang daripada parti PAS dan 14 orang daripada Barisan Nasional.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh tetamu kehormat, YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohamed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Pengangkutan Awam & Pelancongan Negeri Perak.

Turut hadir bersama adalah, Tuan Khairul Anwar bin Ramli, Pegawai Daerah Kampar, YDH Toh Sedewa Raja Dato' Abdul Talib bin Abd Fahmi, OBJ Kampar dan SUPT Hasron Nazri bin Hashim, Ketua Polis Daerah Kampar.





Majlis ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi Penilaian Prestasi Tahun 2019 telah diadakan pada 28 Mei 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Cassia Biflora, MDKpr dan seramai 20 orang anggota MDKpr telah diraikan di dalam majlis tersebut. Penyampaian Sijil Penghargaan dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM 1,000.00 telah disampaikan oleh Yang Dipertua MDKpr, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia juga telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji (APT) bagi tahun 2019 pada 11 Jun 2020 secara tertutup di Auditorium MDKpr bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan dan jasa bakti terhadap komitmen dan dedikasi sepanjang tahun 2019.

Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP. dan seterusnya telah menyampaikan anugerah tersebut kepada penerima. Majlis dijalankan mengikut *Standard Operating Prosedur* (SOP) PKP Covid-19, iaitu menjaga penjarakan sosial, memakai topeng muka dan menyediakan cecair pembasmi kuman. Hanya penerima dan Ketua Jabatan sahaja yang telah menghadiri majlis tersebut.

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada 164 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji (APT) pada tahun 2019. Semoga dengan pengiktirafan ini akan menyuntik semangat dan mencetus inspirasi kepada semua warga MDKpr untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang.





Majlis Untaian Kasih

BERSAMA MANTAN YANG DIPERTUA MDKpr

Majlis *Hi-tea* bersama Mantan Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar telah diadakan pada 3 Februari 2020 bertempat di The Fairway Restaurant, Royal Perak Golf Club, Ipoh. Majlis ini diadakan sempena meraikan Mantan Yang Dipertua MDKpr, Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir yang dinaikkan pangkat dan bertukar ke Majlis Perbandaran Taiping mulai 21 Januari 2020. Majlis ini telah dihadiri oleh barisan Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MDKpr.

Manakala satu majlis istimewa telah diadakan iaitu Majlis Untaian Kasih pada 14 hingga 15 Februari 2020 bertempat di Grand Lexis Port Dickson, Port Dickson. Majlis istimewa ini diadakan sempena meraikan Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir yang telah menabur bakti di Majlis Daerah Kampar sebagai Yang Dipertua MDKpr pada 19 Februari 2014 hingga 20 Januari 2020.



BANTUAN PRIHATIN BARISAN HADAPAN

MDKpr melalui penglibatan yang diuruskan oleh Unit Perhubungan Korporat dan Hal Ehwal Komuniti bersama Kelab Sukan MDKpr, Badan Kebajikan MDKpr dan Koperasi Anggota-Anggota Majlis Daerah Kinta Selatan telah mengadakan Program Bantuan Prihatin Barisan Hadapan peringkat Majlis Daerah Kampar pada 6 Mei 2020. Bantuan ini bertujuan menghargai pengorbanan dan jasa anggota yang bertugas di lapangan sebagai barisan hadapan di Daerah Kampar.

Acara program bermula pada jam 9.00 pagi dimulai dengan penyampaian watakah pelantikan Tuan Yang Dipertua sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) MDKpr yang baru. Sebagai simbolik, satu penyerahan kelengkapan *personal protection equipment* (PPE) telah disampaikan kepada beliau dan seterusnya menandatangani Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang baharu. Penyampaian sumbangan bantuan kepada 22 orang anggota MDKpr turut juga diadakan dalam program tersebut.

Seterusnya, Program Penyampaian Bantuan Prihatin Barisan Hadapan peringkat MDKpr telah dilaksanakan di semua Sekatan Jalan Raya (SJR) sekitar Daerah Kampar iaitu SJR 2 di Balai Bomba, SJR 4 di Tol Gopeng dan SJR 5 di RTC Gopeng.

Selain itu, pihak Majlis turut menyampaikan sumbangan kepada 113 anggota barisan hadapan MDKpr di Pejabat Penguatkuasa Pasar Awam Kampar, Pejabat Cawangan Kampar dan Gopeng. Program ini amat bermakna kepada MDKpr kerana penglibatan bersama Ketua Polis Daerah Kampar, Superintendan Hasron Nazri bin Hashim di lapangan bersama Tuan Yang Dipertua, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP, Puan Setiausaha, Puan Siti Azura binti Haji Juki, AMP dan beberapa pegawai MDKpr dan wakil daripada BAKEB dan Koperasi.

Majlis juga berkesempatan membuat lawatan penghargaan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kampar bagi menutup program pada hari tersebut. Semoga program sebegini akan dapat diteruskan dan komitmen bersama agensi yang terlibat amatlah dihargai.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PROGRAM KUALITI



MESYUARAT PENARAFAN BINTANG RUMAH-REHAT

Satu gimik pelancaran bagi pemakaian baju seragam baharu Rumah Rehat Kampar telah diadakan di ruang legar utama Rumah Rehat Kampar. Sesi perjumpaan Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP, Yang Dipertua bersama kakitangan Rumah Rehat juga telah diadakan di mana Tuan YDP telah berbesar hati menyampaikan amanat beliau kepada semua kakitangan Rumah Rehat. Selesai program, diteruskan pula dengan Mesyuarat Penarafan Bintang Rumah Rehat Bilangan 1/2020 di Bilik Seminar, Rumah Rehat Kampar.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PROGRAM KUALITI



GOTONG ROYONG PERDANA EKSA

Pembuka tirai program rasmi Program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MDKpr bagi tahun 2020 telah dimulai dengan Program Gotong-royong Perdana EKSA yang telah diadakan pada 21 Februari 2020. Program ini diadakan bertujuan bagi menjalankan kerja mengecat di ruang kerja zon seliaan agar ianya kelihatan lebih kemas dan ceria bagi meningkatkan produktiviti serta kecemerlangan perkhidmatan warga MDKpr.



Gotong-royong Perdana EKSA ini telah dimulai dengan bacaan doa oleh En. Meor Abdul Halem bin Amir Hamzah dan seterusnya ucapan Setiausaha MDKpr, Puan Siti Azura binti Haji Juki, AMP. Dalam ucapan beliau, Puan Setiausaha berharap aktiviti gotong royong ini tidak terhenti setakat program ini diadakan tetapi perlu diteruskan dimasa akan datang bagi memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan silaturrahim di antara semua warga MDKpr. Beliau juga menitikberatkan Persekitaran yang kondusif kerana dapat meningkatkan imej korporat MDKpr. Sesi ucapan tersebut telah diadakan di Lobi Kompleks Pentadbiran MDKpr dan dihadiri oleh semua Ketua Jabatan, Ketua Unit, Kakitangan MDKpr dan pelajar-pelajar latihan industri di MDKpr serta pekerja pembersihan. Bagi melancarkan program warga MDKpr menjalankan Program gotong-royong ini, Jawatankuasa EKSA MDKpr telah dibekalkan sarapan pagi dan makan tengahari kepada setiap zon.

AUDIT PERSEKITARAN PENGURUSAN TERTINGGI EKSA

Pada 4 Mac 2020 (Rabu) telah diadakan Audit Persekitaran Bersama Pengurusan Tertinggi MDKpr. Audit Persekitaran ini melibatkan Jawatankuasa Audit Dalam EKSA, Jawatankuasa Induk dan Teknikal EKSA MDKpr. Program ini diadakan bertujuan bagi memastikan keperluan EKSA dipatuhi sejajar dengan garis panduan EKSA MDKpr. Lawatan Audit Persekitaran ini telah dibuat di semua kawasan EKSA merangkumi kafeteria MDKpr, Pejabat Pusat Kitar Semula, Bilik Pameran Kitar Semula, Pondok Pengawal Keselamatan, Landskap dan kebersihan di sekeliling kawasan yang diaudit. Proses pengauditan telah bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 tengahari.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PROGRAM KUALITI



AUDIT PERSEKITARAN PENGURUSAN TERTINGGI EKSA 2.0

Pada 6 Mac 2020 sekali lagi Audit Persekitaran Siri 2 bersama pengurusan tertinggi MDKpr telah diadakan. Audit Persekitaran ini masih lagi melibatkan Jawatankuasa Audit Dalam EKSA, Jawatankuasa Induk dan Teknikal EKSA MDKpr. Program ini juga diadakan bertujuan bagi memastikan elemen-elemen EKSA yang telah diterapkan dengan beberapa cadangan penambahbaikan terus dipatuhi sejajar dengan garis panduan EKSA MDKpr.

Lawatan Audit Persekitaran ini telah dibuat di semua kawasan EKSA merangkumi Pejabat Pusat Kitar Semula, Bilik Pameran Kitar Semula, Kaunter Pandu Lalu, Tempat Meletak Kenderaan dan Motor anggota MDKpr dan kenderaan Majlis, landskap dan kebersihan di sekeliling Kawasan Kompleks Pentadbiran MDKpr dan Rumah Rasmi Yang Dipertua MDKpr. Proses pengauditan telah bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 tengahari.



GOTONG ROYONG PERDANA SIRI 2

Program Gotong-royong Perdana EKSA Siri 2 ini telah diadakan pada 13 Mac 2020 jam 8.30 pagi. Program ini juga bertujuan bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan mengecat di Bilik Pameran Kitar Semula, Kafeteria MDKpr, Pondok Pengawal Keselamatan, Kaunter Pandu Lalu dan Rumah Rasmi Yang Dipertua MDKpr agar ianya kelihatan lebih kondusif, bersih dan ceria bagi meningkatkan produktiviti dan imej korporat MDKpr. Dalam Program Gotong-royong Perdana EKSA Siri 2, penglibatan bukan sahaja daripada Ketua Jabatan, Ketua Unit, Kakitangan MDKpr dan pelajar-pelajar latihan industri di MDKpr serta pekerja pembersihan, ianya juga telah mendapat kerjasama dari Badan Kebajikan MDKpr (BAKEB), Kelab Sukan MDKpr dan Koperasi Anggota-Anggota Majlis Daerah Kinta Selatan Berhad. Program gotong-royong ini berakhir pada jam 5.00 petang.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PROGRAM KUALITI



PENYELENGGARAAN BATAS KEBUN KEJIRANAN HIJAU



Program ini telah diadakan pada 7 Februari 2020 merupakan satu projek di bawah Inisiatif Kejiranan Hijau yang merupakan kesinambungan bagi penyelenggaraan batas kebun terdahulu. Program ini diadakan bagi meningkatkan tahap kesedaran anggota terhadap kepentingan amalan program hijau lestari demi menjaga kebersihan dan kehijauan persekitaran. Dalam program ini, batas-batas kebun yang dituai telah dibuat penyelenggaraan bagi menanam semula benih sayur dan tanaman mengikut jenis sayur dan tanaman yang telah ditetapkan kepada setiap jabatan/unit. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MDKpr, Tuan Khairul Amir Bin Muhamad Zubir, AMP.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR PELANCONGAN



LAWATAN PELANCONGAN

Lawatan penilaian di tapak telah dijalankan pada 23 Jun 2020 oleh Unit Perancangan Ekonomi Perak (UPEN) dan Tourism Perak bagi penilaian akhir permohonan projek pembangunan RMK-12 (2021-2025) di bawah sektor pelancongan. Lawatan turut dihadiri oleh Tuan Yang Dipertua, Puan Setiausaha dan pegawai MDKpr.



Bancian Premis Bangunan

Unit Perhubungan Korporat dan Hal Ehwal Komuniti, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta Bahagian Penguatkuasaan telah menjalankan bancian ke premis bangunan di Jalan Idris dan Gopeng pada 25 Jun 2020 bagi Cadangan Permohonan Projek RMK-12 (2021-2025) di bawah Sektor Pelancongan bagi cadangan program Jom Warnakan Bandar Kita @Kampar 2.0.

JOM WARNAKAN BANDAR KITA @KAMPAR



SEKITAR LENS PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH KAWALAN PENTADBIRAN MDKpr

COVID-19
Coronavirus



NewStraitsTimes, MONDAY, APRIL 6, 2020

4 NEWS / Story of the day

GREEN ZONE

KAMPAR ONLY DISTRICT IN PERAK FREE FROM COVID-19

Checks by NST show 99pc of residents wearing face masks and practising social distancing in public places

KAMPAR

ADHERING to the Health Ministry's guidelines and maintaining personal hygiene have made Kampar the only district in Perak to be free from Covid-19 infections.

Located 40km from Kinta, the people here take the outbreak seriously even though there are no reported cases in the area.

Checks by the *New Straits Times* showed that 99 per cent of the people here wear face masks in public places and follow the social distancing rule when queuing to enter shops.

Fishmonger M. Yusurajan, 42, from Taman Bandar Baru here, said the people need to show soli-


diarity by being responsible for the safety of all during the Covid-19 pandemic.

"Since the implementation of the Movement Control Order (MCO), the people here have been wearing face masks when they go to the market to buy food items. They also practise the 1m social distancing rule.

"I have never seen such a large number of people wearing face masks when buying essential items.

"The people here adhere to instructions and are concerned about their health," he said at a wet market here.

For the Orang Asli community in Kampung Pos Dipang, even though the mobile phone coverage is weak, their efforts to keep



updated on the Covid-19 crisis should be emulated by others.

Village chief Babehmu Babudin, 56, said there were more than 1,000 Orang Asli in the village and several programmes had been conducted to ensure that they were updated on the crisis.

"It was a bit challenging to explain to them at first because most of them thought Covid-19 was just a normal flu.

"However, closer explanations helped them to understand the

situation better. Now most of them do not leave their homes.

"The weak mobile coverage is not a deterrent. I ensure that the people here adhere to the authorities' instructions.

"We have been telling them to wash their hands frequently and stay at home.

"We are glad to have good television signal here. Those who do not own a TV at home can get information from me or the village committee," he said, adding that police and health officers in

the district had been educating the people on the pandemic and ways to stay safe.

Hebermu said the community here had erected a signboard at the entrance of the village to warn outsiders against entering the area.

"We used to receive many outsiders, including tourists and sellers, but now we have put up a signboard so that the people here are protected from the virus.

"My priority is my people here. This is the biggest Orang Asli community in the district and we want to protect everyone during this critical time."

District Council enforcement assistant Muhammad Syaraf Mohd Said said the compliance rate of the people here during the MCO was almost perfect.

"They listen to us and they follow our instructions.

"In Kampar, the people take the crisis seriously although the district is free from Covid-19. This is one of the reasons why the district is a 'green zone'.

"The people here wear face masks when they leave their homes and practise social distancing," he said, adding that the people need to work together to protect the district.

Up to yesterday, Perak recorded 203 Covid-19 cases.

Kinta recorded the highest number of cases at 82 followed by Hulu Perak (62), Manjung, Larut Matang and Selama (15 each), Kerian (13), Perak Tengah (seven), and Baling, Padang, Muallim and Kuala Kangsar (three each).



People wearing face masks waiting for their turn to enter a market in Kampar on Saturday. PIC BY SHARIFA HAFIZ SAM



SEKITAR LENSEA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH KAWALAN PENTADBIRAN MDKpr

COVID-19
Coronavirus



SEKITAR LENSA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH KAWALAN PENTADBIRAN MDKpr



MDKPR MEMERANGI COVID-19

Bermula Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu, pihak MDKpr telah melaksanakan kerja-kerja pembasmian kuman (disinfeksi) di Bangunan-bangunan Awam, Pasar Awam, Tandas Awam dan di Ibu Pejabat serta cawangan-cawangan di seluruh Daerah Kampar dalam usaha mencegah dan memutuskan rantaian wabak Covid-19.



Bagi memastikan kesempurnaan dan keselesaan PDRM dan pihak ATM melaksanakan tugas, pihak MDKpr terpenggil untuk membantu dengan membekalkan beberapa keperluan logistik seperti khemah beserta alatan kerusi dan meja, kemudahan tandas bergerak dan penghadang jalan. Jenis logistik yang dibekalkan adalah bergantung kepada lokasi. Diharapkan dengan bantuan ini dalam membantu PDRM dan ATM melaksanakan tugas dengan efisien dan sempurna.



Penambahbaikan penjarakan sosial di Pasar Awam Kampar telah dilakukan dalam membendung menularan virus ini di kalangan orang awam terutamanya pasar yang menjadi tempat tumpuan awam. Antara penambahbaikan ialah ruang menunggu bagi warga emas, ibu mengandung dan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang disediakan di hadapan pintu masuk pasar.





SUMBANGAN KEPADA BARISAN HADAPAN

MDKpr terus menerima sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta tempatan untuk diserahkan kepada petugas barisan hadapan di daerah ini. Semua sumbangan barangan yang diterima oleh MDKpr telah terus disalurkan kepada petugas barisan hadapan dalam menangani wabak COVID-19. Semua sumbangan yang telah diberikan oleh semua pihak adalah sebagai tanda solidariti bersama-sama wira barisan hadapan dalam melawan penularan wabak COVID-19 di daerah Kampar khasnya.

MDKpr menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak sama ada dari pihak kerajaan, swasta mahupun individu yang sudi tampil memberikan sokongan serta sumbangan khususnya kepada wira barisan hadapan (*frontliners*) dalam membendung penularan wabak COVID-19.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LAWATAN PENANDAARASAN



Lawatan PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN LATIHAN

Lawatan Penanda Aras ke Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah diadakan pada 24 Jun 2020 bagi memperkayakan pengetahuan dan kerjasama antara dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Fokus utama program lawatan adalah untuk mempelajari *Executive Information System (EIS@MBI)*, Sistem Pengurusan Tender, Pengurusan Sumber Manusia, Skop Pelancongan dan Pembangunan Komuniti. Seramai 15 orang kakitangan telah menyertai lawatan tersebut yang diketuai oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar, Tuan Abdul Halim bin Saad AMP dan Setiausaha, Puan Siti Azura binti Haji Juki, AMP. Terima kasih diucapkan kepada kakitangan MBI yang sudi menerima rombongan MDKpr dengan layanan yang baik diberikan dan perkongsian ilmu yang telah disampaikan.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LATIHAN DAN KURSUS



Nama Latihan : Kursus Pengurusan Fail dan Rekod
Tarikh : 7 - 8 Januari 2020
Bilangan peserta : 45 orang
Tempat : Bilik Seminar, Rumah Rehat Kampar

Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan kursus tersebut dengan kerjasama ARKIB Negeri Perak. Kursus tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, penyelenggaraan dan urusan fail yang bersistematik. Kursus ini telah dihadiri seramai 45 orang anggota melibatkan pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab dalam pengurusan fail.



Nama Latihan : Taklimat Pendaftaran Personel Binaan CIDB
Tarikh : 7 Januari 2020
Tempat : Auditorium, Majlis Daerah Kampar



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA



Perhimpunan Anggota Bil. 1/2020 - 28 Januari 2020

- Bacaan Akta Rahsia Rasmi 1972.
- Pelantikan Jawatankuasa Inovasi dan KIK MDKpr iaitu :-
 - a. Kumpulan Merge
 - b. Kumpulan Skylutions
 - c. Kumpulan Air Bore
 - d. Kumpulan Raptors
 - e. Kumpulan Mind Power
- Majlis Selautan Budi Segunung Bakti Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, AMP.
- Penyerahan Nota Serah Tugas daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar.

*Pengisian
Program*



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA



Perhimpunan Anggota Bil. 2/2020 - 26 Februari 2020

Pengisian Program

- Penyampaian Anugerah dan Penghargaan :-
 - a. Perasmian Sistem Rumah Rehat Kampar
 - ABS Frontdesk System
 - b. Penyampaian Anugerah sempena Pra Audit yang ke-2 pada 18 September - 20 September 2020 dalam pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) :-
 - Zon Terbaik
 - Ruang Tempat Kerja Terbaik
 - Kreativiti Amalan Hijau
 - Bilik Fail Terbaik
 - Tandas Terbaik
 - c. Pertandingan Boling Terbuka Perak Anjuran Pertubuhan Anak Perak 2020 :-
 - Johan Kategori Berpasukan
 - Johan Kategori Individu Lelaki
 - Tempat Ke-3 Kategori Individu Wanita
- Majlis Persaraan Anggota Majlis Daerah Kampar.
- Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Anggota MDKpr bagi bulan Februari 2020.



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR MAJLIS PERHIMPUNAN ANGGOTA



Perhimpunan Anggota Bil. 3/2020 - 11 Jun 2020

- Ucapan aluan Yang Dipertua, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP.
- Penyampaian Anugerah dan Penghargaan kepada 164 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji (APT) bagi tahun 2019.

Pengisian Program



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR TOWN HALL



Satu sesi Town Hall telah diadakan pada 2 Februari 2020 bersama penduduk Kampung Tersusun Batu 3 ½ Jalan Kota Bharu, Gopeng bagi menjelaskan secara jelas peranan MDKpr sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tanggungjawab penduduk sebagai pemilik pegangan berkadat.



Sesi ini telah disempurnakan oleh Setiausaha Majlis, Puan Siti Azura binti Haji Juki, AMP dan sesi penerangan lanjut telah disampaikan oleh Encik Mohd Salim bin Saleh, Pegawai Tadbir daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MDKpr.

Sesi soal jawab juga telah diadakan dan dengan kehadiran Ahli Majlis MDKpr dan Ketua Jabatan setiap jabatan telah hadir bersama bagi menjawab segala soalan berkaitan.





Ride Teluk Batik Santai 7 Februari 2020



BOLING ANJURAN PERTUBUHAN ANAK PERAK 16 Februari 2020

Pasukan Bowling MDKpr telah berjaya mendapatkan kemenangan di Pertandingan Bowling Terbuka Perak Anjuran Pertubuhan Anak Perak 2020 bagi kategori seperti berikut :-

- Johan Kategori Berpasukan
- Johan Kategori Individu Lelaki
- Tempat Ke-3 Kategori Individu Wanita



PROGRAM DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KAMPAR LOCAL AGENDA 21



Senarai Program LA 21 / Vektor Bagi Januari - Jun 2020

BIL	NAMA PROGRAM
JANUARI	
1	Program Kitar Semula Buddhist Tzu Chi di Bandar Baru
2	Gotong Royong Anti Denggi di Taman Kinta, Gopeng - 09/01/2020
3	Program Kitar Semula dan Gotong Royong bersama SMK Sentosa - 11/01/2020
FEBRUARI	
4	Gotong Royong Anti Denggi di Taman Rekreasi Lawan Kuda, Gopeng
5	Taklimat Pengkomposan Kampar Organik kepada Unit Bakas Pejabat Kesihatan Daerah Hilir Perak di Klinik Kesihatan Teluk Intan
MAC	
6	Program Kitar Semula Buddhist Tzu Chi di Bandar Baru
7	Program Lapangan Bagi Pelajar MBBS Tahun 3 Universiti Kuala Lumpur Sesi 2018 / 2019
APRIL	
8	Gotong Royong Anti Denggi di Taman Kinta, Gopeng
MEI	
9	Gotong Royong Anti Denggi di Kampung Baru Jeram
JUN	
10	Gotong Royong Anti Denggi di Taman Bina Jaya, Malim Nawar






... LOGO INISIATIF KEJIRANAN HIJAU ...

Majlis Daerah Kampar

SIMBOLIK KEPADA WARNA

- BERINGAT
- BERSATU
- PEKA / KETUA
- SUBUR
- BIJAK
- SEMANGAT
- BERSIH



VISUAL LOGO



BOTOL MINERAL



TIN SUSU



(SPROCKET) GEGANCU BASIKAL



LOGO - INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDKpr

Cetusan idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik "Gesture Drawing" daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencetus SEBUAH LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDKpr.

SIMBOLIK KEPADA POKOK

Sebatang pokok - Menghijau (Tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak bumi. Melindungi bagi sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbesaran, beroksaigen, berdaun, berbunga, berbuah, kembali ke sebatang kayu yang mereput dan menjadi baja.

Bersifat Kekeluargaan - Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ibarat kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri teguh.

KENAPA POKOK MENJADI ILHAM LOGO KITAR SEMULA ?

Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses tumbesaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diserapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDKpr. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.


WARNA-WARNA KORPORAT MDKpr digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDKpr serta dimantapkan lagi dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.



3 akar besar berbentuk kaki
Perpaduan yang kukuh hingga ke akar umbi. Tetap berdiri teguh walau digoncang. Sekiranya hanya ada 1 atau 2 kaki, ianya pasti lebih mudah bergoncang.

Kaki pelbagai arah
Sentiasa bergerak menyahut wawasan.

Tapak berwarna UNGU
Terhasil daripada campuran warna Biru dan Merah melambangkan gabungan idea yang mantap mampu menghasilkan sesuatu di luar kotak fikiran dan berjaya mencipta kejayaan yang luarbiasa. Kedudukan tapak di bawah membawa makna "Kejayaan bermula dari bawah" walau sudah berdiri teguh ia sentiasa berpijak di bumi nyata. (Sentiasa merendahkan diri)



Majlis Daerah Kampar
Kompleks Pentadbiran MDKpr Jalan Iskandar
31900 Kampar, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-4671020 / Faks: 05-4671040